

# MESYUARAT AGONG TASKA PERMATA KEMAS PANGKALAN UDARA BUTTERWORTH BAGI TAHUN 2019

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4637-mesyuarat-agong-taska-permata-kemas-pangkalan-udara-butterworth-bagi-tahun-2019](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4637-mesyuarat-agong-taska-permata-kemas-pangkalan-udara-butterworth-bagi-tahun-2019)

BUTTERWORTH, 7 Mac 19 - Mesyuarat Agong TASKA PERMATA KEMAS telah diadakan di TASKA Pangkalan Udara Butterworth yang dipengerusikan oleh Pengerusi TASKA iaitu Puan Nur Shahidaa binti Abdullah dan dihadiri oleh Ketua Biro Pendidikan BAKAT Pangkalan, Puan Azninda binti Mohd Noor.



Seramai 23 orang ibubapa telah hadir ke Mesyuarat dimana pelbagai agenda serta cadangan baru telah dibincangkan termasuk pembentangan penyata kewangan tahun 2018 dan perlantikan Ahli Jawatan Kuasa yang baru serta pembentangan aktiviti-aktiviti Taska yang akan dilaksanakan di sepanjang tahun 2019.



Dalam mesyuarat itu juga, telah diadakan upacara penyerahan Sijil Penghargaan kepada guru-guru Taska Permata KEMAS Pangkalan 2018.



Dikesempatan ini juga Pengerusi TASKA telah menzahirkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua yang telah terlibat dan bekerjasama di sepanjang beliau memegang jawatan Pengerusi sebelum beliau bertukar keluar pada 14 Mac 19 ini.

